

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helai Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pakej manfaat tambahan **Pengecas Dinding Rumah Kenderaan Elektrik**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.



Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah itu Pengecas Dinding Rumah Kenderaan Elektrik?

Pengecas Dinding Rumah Kenderaan Elektrik merupakan manfaat tambahan pilihan di bawah polisi Insurans Kereta Persendirian Komprehensif yang memberikan perlindungan ke atas Pengecas Dinding dan aksesori yang digunakan untuk kenderaan **Kenderaan Elektrik Bateri (BEV)** atau **Kenderaan Elektrik Hibrid Plug-in (PHEV)**, sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan akibat kebakaran, kecurian (mesti disertai dengan pencerobohan masuk atau keluar secara paksa dan ganas), kilat, letupan, hurikan, siklon, taufan, ribut angin, gempa bumi, banjir, pesawat dan peranti udara atau barang yang terjatuh daripadanya, akibat impak hentaman oleh kenderaan, pemecahan atau limpahan tangki, peralatan atau paip air.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Kami akan membayar balik perbelanjaan sebenar yang ditanggung untuk membaiki atau menggantikan Pengecas Dinding Rumah sehingga RM12,000 tertakluk kepada syarat-syarat dan pengecualian berikut:

1. Laporan polis dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian berlaku;
2. Menyertakan salinan laporan polis;
3. Invois/resit pembaikan asal untuk perbelanjaan yang ditanggung dengan memperincikan nama syarikat pemasang;
4. Untuk sebarang tuntutan di bawah Endorsmen ini, Kami tidak akan memotong sebarang ekses dan Anda tidak akan kehilangan kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan; dan
5. Perlindungan ini adalah terhad kepada satu (1) kejadian dalam setiap Tempoh Insurans dan perlindungan ditamatkan pada tarikh tuntutan Anda diselesaikan di bawah Endorsmen ini.

Pengecualian:

Manfaat ini tidak menyediakan perlindungan untuk mana-mana keadaan seperti berikut:

1. Untuk melindungi sebarang kerosakan atau tiada fungsi secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh, atau akibat daripada, kehausan atau susut nilai, penyalahgunaan, kecuai, kemalangan, kekurangan atau penggunaan yang tidak betul, penyelenggaraan, penyimpanan atau pengangkutan;
2. Kerosakan/pembaikan dilindungi di bawah jaminan pengilang;
3. Kegagalan untuk mengikuti arahan, penyelenggaraan dan amaran yang dinyatakan dalam dokumen yang dibekalkan dengan penyambung atau penyesuai pengilang Anda;
4. Faktor luaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada, objek yang mengenai penyambung atau penyesuai Pengecas Dinding Rumah, pendawaian elektrik yang rosak, kotak simpang, pemutus litar, bekas atau salur keluar kuasa;
5. Luaran umum atau kerosakan pada cat, termasuk serpihan, calar, kemek dan retak;
6. Kegagalan untuk menghubungi pengilang apabila menemui kerosakan yang dilindungi oleh Pengecas Dinding Rumah ini;
7. Sebarang pembaikan, pengubahsuaian atau pengubahsuaian pada penyambung atau penyesuai Pengecas Dinding Rumah atau mana-mana bahagian, atau pemasangan atau penggunaan mana-mana bahagian atau aksesori, yang dibuat oleh seseorang atau kemudahan yang tidak dibenarkan atau diperakui untuk berbuat demikian;
8. Kekurangan atau pembaikan atau penyelenggaraan yang tidak betul, termasuk penggunaan aksesori atau bahagian pengilang yang tidak tulen;
9. Pengecas Dinding Rumah EV ini dilindungi di dalam polisi Insurans Kebakaran untuk kebakaran, kecurian, kilat, letupan, hurikan, siklon, taufan, ribut angin, gempa bumi, banjir, pesawat dan peranti udara atau barang yang terjatuh daripadanya, akibat impak hentaman oleh kenderaan, pemecahan atau limpahan tangki, peralatan atau paip air; dan
10. Untuk kegunaan komersial.

Premium Tahunan untuk manfaat tambahan ini ialah **RM40.56**.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari
<https://etiqa.com.my/kereta-ev/premium-kereta-ev-insurans>



Email kepada info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk manfaat tambahan Pengecas Dinding Rumah Kenderaan Elektrik ini, jumlah insurans premium yang perlu anda bayar adalah seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk Insurans Kereta Persendirian Komprehensif utama anda.

*** MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU**

A	Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans setiap tahun.
B	Insurans hanya akan berkuatkuasa sebaik sahaja anda telah membayar premium (Bayaran Sebelum Perlindungan).
C	Anda mesti memastikan kenderaan anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan kerana ia akan menjejaskan amaun yang boleh anda tuntutan.
D	Sekiranya berlaku kemalangan, anda harus maklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh melakukan dengan: - Buat laporan kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan; - Makluman boleh dilakukan secara bertulis atau melalui panggilan telefon ke talian Bantuan Tuntutan 1300 88 1007; - Lengkapkan dan hantar borang tuntutan bersama dokumen sokongan yang lain secepat mungkin; dan - Anda boleh menghantar kereta anda ke mana-mana bengkel pembaikan yang diluluskan seperti berikut: - Bengkel pembaikan motor yang terdapat dalam panel bengkel Kami yang diluluskan; atau - Mana-mana pembaikan lain yang telah Kami berikan kepada Anda kebenaran khas untuk digunakan. *Sila rujuk polisi insurans untuk butiran lanjut mengenai bengkel Pembaikan yang Diluluskan. *Sila rujuk laman web kami untuk pilihan bengkel pembaikan yang ada. Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk polisi insurans untuk melihat keseluruhan terma dan syarat.
E	Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan sebahagian daripada premium dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan sepanjang tempoh insurans.